

17/01/1998

Persatuan sokong perjuangan PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Persatuan Suluh Budiman menyokong penuh perjuangan dan pendirian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah ekonomi negara akibat manipulasi mata wang oleh pihak luar.

Sokongan persatuan itu dinyatakan dalam resolusi yang diluluskan pada mesyuarat agungnya ke-21 di Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, baru-baru ini.

Persatuan berkenaan, yang dianggotai bekas pelajar institut itu dan kini diketuai Prof Tan Sri Awang Had Salleh, menyeru semua rakyat Malaysia berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam ikhtiarnya mempertahankan maruah bangsa dan negara.

(END)